



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 8 NOVEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	"GETTING YOUTH INTO FARMING WILL EASE POVERTY" LOCAL NEWS, NST-12	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDSTURI MAKANAN (MAFI)
2.	SIKAP DITERNAK ADA CACAT BENTUK, TINGGI ASID LEMAK	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	TAMAN AGROVET TARIKAN BAHARU DI PADANG BESAR, NEGERA, KOSMO-18	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
4.	FAMA PAHANG CATAT HASIL JUALAN RM15.7 JUTA, NEGERI PAHANG.SELANGOR.KL-SH29	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
5.	FAMA PAHANG CATAT HASIL JUALAN RM15.7 JUTA, SH-ONLINE	
6.	FAMA PAHANG CATAT HASIL JUALAN RM15.7 JUTA, MSN.COM-ONLINE	
7.	PERSEDIAAN MUSIM TENGGUJUH, FAMA SEDIA 200 BILIK SEJUK DAN BILIK PENYIMPANAN HASIL PERTANIAN, BERITA RTM- ONLINE	
8.	PENDAM RASA SAKIT DEMI BISNES, DALAM NEGERI, UM-29	LAIN - LAIN
9.	HARGA RACUN NAIK BEBANKAN PESAWAH, NEGERA, KOSMO-16	
10.	TANAMAN CILI FERTIGASI ASUH PELAJAR JADI USAHAWAN, K2, KOSMO-29	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	'Getting youth into farming will ease poverty'		
MediaTitle	New Straits Times		
Date	08 Nov 2021	Color	Full Color
Section	Local News	Circulation	36,278
Page No	12	Readership	108,834
Language	English	ArticleSize	68 cm ²
Journalist	Bernamea	AdValue	RM 2,335
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,005



'Getting youth into farming will ease poverty'

ARAU. The perception of farming among young people has to be changed to increase their involvement in the sector. Agriculture and Food Industries Ministry secretary-general Datuk Haslina Abdul Hamid said studies identified young people as the major group receptive to modern farming technology. "Their involvement can reduce unemployment and poverty, boost food supply and reduce dependence on imported food." Haslina said only 15 per cent of the 14.6 million young people in Malaysia were involved in agriculture, while studies showed that only four per cent of university students would choose a career in the industry. She said focus was being given to those aged 18 to 40 through programmes like Young Agropreneur to get them involved in agrofood subsectors.

Bernamea

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/11/2021	UTUSAN.COM	ONLINE	

SIAKAP DITERNAK ADA CACAT BENTUK, TINGGI ASID LEMAK



SIAKAP banyak diternak di Pulau Pinang diikuti jirannya, Perak dan Kedah sebelum dijual di pasaran tempatan. – Foto media sosial

PUTRAJAYA: Penggemar masakan berasaskan siakap di negara ini perlu tahu membezakan antara spesies ternak dan liar yang turut memberi pengaruh besar dari segi harganya.

Demikian nasihat oleh Institut Penyelidikan Perikanan (FRI), berpusat di Batu Maung, Pulau Pinang susulan tular isu caj menu ikan itu amat mahal di Pulau Langkawi, Kedah baru-baru ini.

Agensi Jabatan Perikanan Malaysia yang ditubuhkan sejak 1947 itu menerusi hantaran dalam laman sosialnya turut memuat naik contoh siakap saiz gergasi dengan berat empat kilogram.

Ikan air payau itu diternak hasil daripada Projek Pembangunan Baka Siakap Premium di FRI Tanjung Demong, daerah Besut, Terengganu yang dianggarkan sepanjang 70 sentimeter.

“Dari sudut morfologi atau bentuk, ada perbezaan yang jelas terutama pada bahagian kranium kepala dan badan kerana siakap diternak terdapat kecacatan fizikal,” kata agensi tersebut.

Ikan dihasilkan ujarnya, juga menunjukkan sirip kaudal bengkok dan hujung sirip dorsal kedua pula agak tebal selain bilangan sirip akibat pembiakan dalaman dalam populasi diternak itu,

Sebaliknya kejadian biak baka adalah rendah dalam populasi ikan liar hidup di habitat semula jadi yang turut membantunya dalam pengurangan kadar kecacatan morfologi ikan berkenaan.

Menyentuh kandungan nutrisi, siakap ditenak didapati kandungan asid lemak tepu dan mono tidak tepu juga adalah lebih tinggi antara 35 sehingga 54 peratus daripada spesies yang liar.

“Perbezaan ini kemungkinan besar disebabkan oleh rejim diet yang diberi semasa ternakan dengan kajian dilaksanakan di wilayah Pantai Timur Semenanjung Malaysia,” jelas FRI lagi.

Ironi kata agensi berkenaan, kandungan mineral atau galian dalam ikan siakap liar pula adalah lebih tinggi berbanding versi ditenak berdasarkan kajian yang dilakukan pada 2002 lalu.

Begitu juga dari sudut genetik ikan ini agak beza secara signifikan hasil penyelidikan siakap liar dan ditenak di Lautan Atlantik Selatan serta Laut Mediterranean pada 2004 dan 2009.

Bahkan FRI berkata, lebih unik komposisi plasma darah dan tisu hati turut menunjukkan jurang dalam biokimia kerana diet makanan buatan adalah jauh berbeza daripada spesies asli.

“Keadaan tersebut mempengaruhi kadar metabolisme tenaga antara siakap ditenak dan liar malah dibuktikan saintis luar negara melalui kajian diterbitkan pada 2005,” tambah agensi itu.

Paling mengejutkan penyelidik, cara berenang dan pembelajaran apabila anak siakap liar lebih tinggi kelajuan angular, jarak ditempuh dan purata kelajuan berbanding yang ditenak.

Bagaimanapun, penyelidikan direkodkan saintis pada 2013 lalu mendapati tiada perbezaan ketara dalam proses keupayaan belajar renang antara anak siakap yang ditenak dan liar.

Jabatan Perikanan Malaysia merekodkan penghasilan 23,033 tan metrik ikan ini di seluruh negara sepanjang tahun lalu dengan Pulau Pinang yang paling tinggi diikuti Perak dan Kedah.

Juga disebut sebagai kakap putih, ikan ini dengan nama saintifiknya, *Lates calcarifer* merupakan pemangsa, manakala spesies saiz kecil pula amat popular dijadikan ikan akuarium. -UTUSAN ONLINE

Taman Agrovet tarikan baharu di Padang Besar

PADANG BESAR - Taman Agrovet yang menempatkan kawanan burung unta, kuda padi, dan rusa kini menjadi salah satu persinggahan utama kepada pelancong domestik yang berkunjung ke Perlis.

Seorang pengunjung, Mohd. Nizam Yusoff, 44, dari Kulim berkata, ini adalah kali pertama dia sekehuarga melawat Taman Agrovet yang terletak kira-kira lima kilometer dari pekan Padang Besar.

"Tempat ini sangat sesuai untuk membawa keluarga berehat. Kanak-kanak seronok melihat dan memberi makan kepada haiwan-haiwan yang ada di sini.

"Kemudahan asas seperti

surau dan tandas juga disediakan, sesuai untuk berehat sebentar dan memberi peluang anak-anak bermain selepas membeli-belah di Padang Besar," katanya ketika ditemu.

Taman Agrovet diuruskan Jabatan Veterinar negeri menempatkan beberapa spesies haiwan ruman seperti rusa, kerbau, kuda dan kuda padi.

Selain itu terdapat burung unta, burung merak, ayam kampung, itik serta landak.

Kemasukan ke lokasi pelancongan ini adalah percuma dan pengunjung hanya perlu membayar harga makanan seperti lobak merah, kangkung dan rumput napier untuk diberi makan ke-

pada haiwar di situ dengan harga hanya RM2 satu pek atau seikat.

Mohd. Ali Sulaiman, 35, dari Balik Pulau pula berkata, dia semangnya telah lama merancang untuk melawat lokasi menarik di negeri Perlis.

Katanya, Taman Agrovet adalah salah satu destinasiya di kawasan Padang Besar selain View Point Wang Kelian.

"Kanak-kanak berpeluang untuk melihat sendiri dengan lebih dekat dan belajar mengenai haiwan-haiwan di sini," katanya.

Difahamkan, pihak pengurusan taman itu akan membawa masuk haiwan lain seperti lembu tenusu dan menambah perkhidmatan kereta kuda.



PENGUNJUNG tidak melepaskan peluang meramkan momen gembira bersama ahli keluarga di Taman Agrovet di Padang Besar baru-baru ini.

FAMA Pahang catat hasil jualan RM15.7 juta

KUANTAN - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang mencatat hasil jualan lebih RM15.7 juta menerusi 24 pasar tani di seluruh Pahang dalam tempoh 10 bulan tahun ini.

Pengarahnya, Saiful Sadri berkata, daripada jumlah kutipan itu, sebanyak RM4.9 juta adalah hasil daripada aktiviti penjualan membabitkan lima pasar tani kekal yang beroperasi setiap hari.

Menurut beliau, aktiviti penjualan di pasar tani di sekitar Pekan, Felda Chini, Bandar Jengka, Jerantut dan Bera membabitkan seramai 122 peniaga.

"Sebanyak 19 pasar tani yang beroperasi sekali seminggu turut menghasilkan jualan sebanyak RM10.8 juta.

"Bagaimanapun, hasil jualan tahun ini berkurangan susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) beberapa bulan lalu," katanya.

Beliau berkata demi-



Abd Rahim (kiri) dan Saiful menyediakan masakan opor Pahang di UTC Kuantan pada Ahad.

kian ketika ditemui pemberita dalam program Sambutan Ulang Tahun Ke-56 Fama di Pasar Tani Pusat Transformasi Bandar (UTC) Kuantan pada Ahad.

Program berkenaan dirasmikan Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan Pahang, Datuk Abd Rahim Muda.

Saiful berkata, sambutan pengguna terhadap pasar tani meningkat tiga kali ganda selepas Pahang memasuki Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan kebenaran rentas nege-

ri dibenarkan.

Jelasnya, kebanyakan pelanggan datang ke pasar tani bagi mendapatkan pelbagai produk pertanian, ternakan, perikanan, daging dan pelbagai jenis sayuran, buah-buahan serta makanan.

Beliau menambah, pihaknya akan mengadakan pelbagai program dalam usaha menarik minat pengguna tempatan dan luar supaya datang semula ke pasar tani bagi mendapatkan pelbagai barangan keperluan harian.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

FAMA PAHANG CATAT HASIL JUALAN RM15.7 JUTA



Abd Rahim (kiri) dan Saiful menyediakan masakan opor Pahang UTC Kuantan pada Ahad.

KUANTAN - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang mencatat hasil jualan lebih RM15.7 juta menerusi 24 pasar tani di seluruh Pahang dalam tempoh 10 bulan tahun ini.

Pengarahnya, Saiful Sadri berkata, daripada jumlah kutipan itu, sebanyak RM4.9 juta adalah hasil daripada aktiviti penjualan membabitkan lima pasar tani kekal yang beroperasi setiap hari.

Menurut beliau, aktiviti penjualan di pasar tani di sekitar Pekan, Felda Chini, Bandar Jengka, Jerantut dan Bera membabitkan seramai 122 peniaga.

"Sebanyak 19 pasar tani yang beroperasi sekali seminggu turut menghasilkan jualan sebanyak RM10.8 juta.

"Bagaimanapun, hasil jualan tahun ini berkurangan susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) beberapa bulan lalu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita dalam program Sambutan Ulang Tahun Ke-56 Fama di Pasar Tani Pusat Transformasi Bandar (UTC) Kuantan pada Ahad.

Program berkenaan dirasmikan Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan Pahang, Datuk Abd Rahim Muda.

Dalam pada itu, Saiful berkata, sambutan pengguna terhadap pasar tani meningkat tiga kali ganda selepas Pahang memasuki Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan kebenaran rentas negeri dibenarkan.

Jelasnya, kebanyakan pelanggan datang ke pasar tani bagi mendapatkan pelbagai produk pertanian, ternakan, perikanan, daging dan pelbagai jenis sayuran, buah-buahan serta makanan.

Beliau menambah, pihaknya akan mengadakan pelbagai program dalam usaha menarik minat pengguna tempatan dan luar supaya datang semula ke pasar tani bagi mendapatkan pelbagai barangan keperluan harian.

"Saya memberi jaminan harga barangan keperluan yang dijual di pasar tani adalah berpatutan," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/11/2021	MSN.COM	ONLINE	

FAMA PAHANG CATAT HASIL JUALAN RM15.7 JUTA



KUANTAN - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang mencatat hasil jualan lebih RM15.7 juta menerusi 24 pasar tani di seluruh Pahang dalam tempoh 10 bulan tahun ini.

Pengarahnya, Saiful Sadri berkata, daripada jumlah kutipan itu, sebanyak RM4.9 juta adalah hasil daripada aktiviti penjualan membabitkan lima pasar tani kekal yang beroperasi setiap hari.

Menurut beliau, aktiviti penjualan di pasar tani di sekitar Pekan, Felda Chini, Bandar Jengka, Jerantut dan Bera membabitkan seramai 122 peniaga.

"Sebanyak 19 pasar tani yang beroperasi sekali seminggu turut menghasilkan jualan sebanyak RM10.8 juta.

"Bagaimanapun, hasil jualan tahun ini berkurangan susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) beberapa bulan lalu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita dalam program Sambutan Ulang Tahun Ke-56 Fama di Pasar Tani Pusat Transformasi Bandar (UTC) Kuantan pada Ahad.

Program berkenaan dirasmikan Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan Pahang, Datuk Abd Rahim Muda.

Dalam pada itu, Saiful berkata, sambutan pengguna terhadap pasar tani meningkat tiga kali ganda selepas Pahang memasuki Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan kebenaran rentas negeri dibenarkan.

Jelasnya, kebanyakan pelanggan datang ke pasar tani bagi mendapatkan pelbagai produk pertanian, ternakan, perikanan, daging dan pelbagai jenis sayuran, buah-buahan serta makanan.

Beliau menambah, pihaknya akan mengadakan pelbagai program dalam usaha menarik minat pengguna tempatan dan luar supaya datang semula ke pasar tani bagi mendapatkan pelbagai barangan keperluan harian.

"Saya memberi jaminan harga barangan keperluan yang dijual di pasar tani adalah berpatutan," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/11/2021	BERITA RTM	ONLINE	

PERSEDIAAN MUSIM TENGGUJUH, FAMA SEDIA 200 BILIK SEJUK DAN BILIK PENYIMPANAN HASIL PERTANIAN



ARAU, 7 November - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyediakan sebanyak 200 bilik sejuk dan bilik penyimpanan di seluruh negara bagi persediaan menghadapi musim tengkujuh kali ini.

Bilik berkenaan berperanan sebagai lokasi penyimpanan hasil pertanian termasuklah sayur-sayuran dan buah-buahan oleh usahawan bagi mengelakkan berlakunya kekurangan bekalan ketika musim tengkujuh.

Menurut Ketua Pengarahnya, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli, bilik sejuk dan penyimpanan berkenaan boleh digunakan oleh usahawan dengan kadar bayaran sewa yang rendah dan membantu mereka membekalkan sayur dan buah yang segar kepada pengguna.

Beliau ditemui pada program Klinik Usahawan Agri di Arau.

08 NOV, 2021

Pendiam rasa sakit demi bisnes

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

Pendam rasa sakit demi bisnes

Oleh ISWAN SHAFIQ ISA
utisani@iswanshafiq.com.my

BUKIT MERTAJAM: Wanita ini pernah memendam rasa sakit akibat masalah saraf untuk tempoh agak lama sepanjang tahun lepas hanya kerana minatnya terhadap bidang pembuatan kek dan biskut.

Sepanjang tempoh itu, Azlina Ishak, 38, bagaimanapun tetap bertungkus-lumus menyiapkan tempahan yang diterima daripada pelanggannya sambil mengikuti sesi fisioterapi.

Dia turut menggagahkan diri mengikuti kelas memandu yang telah didaftarkan sebelumnya.

Berkat kesabaran ibu kepada tiga cahaya mata itu, dia kini berjaya menjana pendapatan sehingga RM55,000 untuk tempoh 10 bulan pertama tahun ini termasuk kutipan jualan RM20,000 sepanjang Ramadan lalu.

"Kalau hendak diikutkan,

sudah 21 tahun saya terlibat industri pembuatan kek dan biskut namun cabaran yang perlu dilalui waktu itu khususnya dari segi pemasaran amat sukar.

"Bermula kecil-kecilan termasuk sebagai peserta program e-Kasih, Rezeki Tani dan sebagainya, alhamdulillah, sejak itu tempahan yang saya terima daripada pelanggan kian bertambah dari hari ke hari," katanya.

Azlina ditemui ketika menerima kunjungan Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) negeri, Mohd. Azraie Ramli pada Majlis Penyerahan Insentif Geran Agropreneur Muda (GAM) di pejabatnya iaitu Arianna Delights Bakery di Kampung Jawa, Jalan Baru di sini baru-baru ini.

Pada majlis itu, dia menerima geran RM20,000 terdiri daripada pelbagai peralatan bakeri termasuk mesin semperit separa automatik, peti penyejuk heku serta 10 dulang makanan.

Menurut Azlina, ketika ini dia menghasilkan sehingga 30 jenis biskut di bawah jenama Arianna Delights termasuk lima jenis semperit selain pelbagai jenis kek mengikut cita rasa pelanggan.

Dijual pada harga serendah RM15 untuk kotak kecil yang berisi antara 25 hingga 30 biji, antara biskutnya yang mendapat perhatian ketika ini termasuk Semperit Dahlia, Semperit Red Velvet, Tat Nanas, Red Velvet Cookies, Chocolate Almond Cookies dan Yummy Shortbread.

Selain dibantu oleh suami dan anak-anaknya, Azlina juga mempunyai empat pekerja sambilan yang akan membantunya ketika menerima tempahan yang agak tinggi daripada pelanggan.

Dalam pada itu, Mohd. Azraie mem-

beritahu, kisah kesungguhan dan kejayaan Azlina walaupun ketika negara berdepan dengan pandemik Covid-19 boleh dijadikan contoh kepada usahawan FAMA yang lain.

"Sejak

2015 hingga kini, terdapat 82 usahawan Pulau Pinang menerima geran ini (GAM)

dengan 78 daripadanya merupakan usahawan bumiputera dalam pelbagai bidang.

"Jumlah peruntukan yang disalurkan untuk geran ini pula keseluruhannya dianggarkan RM1.295 juta," jelas beliau.

WALAUPUN menderita akibat masalah saraf, Azlina Ishak tetap gigih menyiapkan tempahan biskut dan kek yang diterima daripada pelanggan menerusi perniagaan Arianna Delights Bakery di Bukit Mertajam, Pulau Pinang.





08 NOV, 2021

Pendam rasa sakit demi bisnes

[Utusan Malaysia, Malaysia](#)

Page 2 of 2

SUMMARIES

BUKIT MERTAJAM: Wanita ini pernah memendam rasa sakit akibat masalah saraf untuk tempoh agak lama sepanjang tahun lepas hanya kerana minatnya terhadap bidang pembuatan kek dan biskut. Sepanjang tempoh itu, Azlina Ishak, 38, bagaimanapun tetap bertungkus-lumus menyiapkan tempahan yang diterima daripada pelanggannya sambil mengikuti sesi fisioterapi. Dia turut mengagahkan diri mengikuti kelas memandu yang telah didaftarkan sebelumnya.

Harga racun naik bebankan pesawah

ROMPIN – Kenaikan harga racun sehingga sekali ganda menjadi beban kepada pesawah di negeri ini yang berdepan pelbagai cabaran termasuk cuaca yang tidak menentu dan serangan penyakit padi.

Rata-rata pesawah mendakwa, mereka kini tertekan kerana tiada pembelaan termasuk harga padi yang masih ditakuk lama meskipun kos meningkat saban tahun.

Pesawah, Husin Deraman, 49, berkata, harga racun yang naik secara mendadak kali ini membebankan pihaknya untuk memulakan musim penanaman baharu.

"Kami terpaksa cari duit untuk beli racun apabila musim baru bermula. Pada musim menuai lalu, hasil padi jatuh teruk kerana diserang penyakit.

"Kini kami terbeban pula dengan harga racun," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Husin turut memohon pihak berkaitan supaya mengawal harga racun bagi memastikan pesawah terus bertahan.

Selain itu, dakwa Husin, nasib pesawah yang ditimpa

pelbagai cabaran seolah-olah tidak dipedulikan.

"Jika pesawah terus diabaikan, ia bukan sahaja menjejaskan hasil beras negara, malah usaha menggalakkan penyertaan golongan muda dalam penanaman padi juga tidak akan tercapai," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Pesawah Paya Sepayang, Azman Mohamad memberitahu, selain kos penanaman padi meningkat, harga padi dan subsidi masih berada pada tahap lama dan memberi tekanan kepada pesawah.

"Kami terpaksa membeli racun, itu belum dikira kos-kos lain seperti bajak.

"Sampai bila kami yang bertungkus-lumus menyediakan beras yang merupakan makanan utama rakyat Malaysia terus terbeban ketika kerajaan mahu meningkatkan hasil beras negara," soalnya.

Justeru beliau berkata, sewajarnya dalam berdepan isu itu kerajaan harus bertindak proaktif dengan menaikkan harga padi atau memastikan harga racun dapat dikawal.



CILI dijual segar pada harga RM12 sekilogram menggunakan jenama KPZ Fresh.



CILI grad A dijual terus di pasaran, manakala bagi grad B dan C pula dipasarkan sebagai cili jeruk.

Kampus



Oleh MOHD. SHAZWAN YUSOP

SEBAGAI sebuah institusi pendidikan yang sinonim dengan pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) sentiasa berusaha menggalakkan para pelajarannya menguasai bidang tersebut.

Terbaharu, Kolej Pendeta Za'ba (KPZ) dengan kerjasama Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEMG), UPM telah melaksanakan projek penanaman cili (PPC) secara fertigasi.

Projek yang diadakan di bawah program Kelestarian Pertanian-Inkubator Keusahawanan Pelajar itu melibatkan penanaman 1,000 anak pokok cili jenis kulai pada Julai lalu.

Projek tanaman tersebut mendapat suntikan modal sebanyak RM5,000 daripada KPZ untuk membeli peralatan dan RM10,000 lagi disumbangkan CEM bagi pembelian anak pokok dan kerja-kerja perpalipan.

Pengetua KPZ, Dr. Mohd. Hafiz Mohd. Zaid berkata, PPC merupakan satu program yang dijalankan bagi menyahut seruan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) universiti tersebut.

Katanya, hasil seruan tersebut, kesemua sembilan kolej kediaman di UPM perlu menjalankan projek pertanian secara kecil-kecilan di kawasan lapang.

"Projek ini dilakukan hasil galakan HEPA dalam usaha menjadikan UPM sebagai peneraju dalam bidang pertanian berteknologi tinggi.

"Ia bertujuan menggalakkan penglibatan pelajar dalam pertanian serta membangunkan potensi mereka menjadi usahawan.

"Sebab utama KPZ memilih penanaman cili jenis kulai adalah disebabkan harganya yang stabil dalam pasaran, selain mempunyai permintaan tinggi," katanya baru-baru ini.

Menurut Dr. Mohd. Hafiz, projek itu dijalankan dalam kawasan yang dahulunya diliputi rumput serta menjadi tapak parkir kenderaan.

Katanya, kini kawasan tersebut telah bertukar wajah dengan pandangan

Tanaman cili fertigasi asuh pelajar jadi usahawan



KAWASAN yang dahulunya dipenuhi rumput, kini menjadi kebun cili yang memberikan pendapatan kepada pelajar yang tinggal di KPZ, UPM.

deretan pohon cili yang lebat berbuah.

"Selepas kejayaan projek fasa pertama ini, kami akan mengenal pasti beberapa lagi kawasan lapang yang boleh dijadikan tapak penanaman cili fertigasi," tegasnya.

Menariknya, projek berkenaan dijalankan dan diurus sepenuhnya oleh sebuah syarikat yang ditubuhkan oleh

KPZ dengan nama HI Agro Enterprise.

Syarikat berkenaan diterajui oleh lima penghuni KPZ iaitu Mohd. Hakeem Mohd. Ibrahim, Muhammad Amin Abdullah Azhar, Balqis Mohamad, Muhamad Azeem Abdul Mubin dan Mohd. Syafiq Syazwan Rosli.

Ujar Dr. Mohd. Hafiz, fasa pertama projek itu melibatkan lima orang

penghuni KPZ yang komited dengan projek penanaman cili tersebut.

"Mereka terlibat dalam semua kerja-kerja di ladang termasuk penanaman, siraman, membaja dan menuai hasil, selain tugas pemasaran cili," ujarnya.

Pada akhir September lalu iaitu selepas 45 hari tanam, cili tersebut dituai dan dipasarkan kepada pelanggan di sekitar Lembah Klang.

Dr. Mohd. Hafiz berkata, setakat ini sebanyak 500 kilogram cili berjaya dijual, sekali gus membolehkan mereka menjana sedikit keuntungan.

"Cili ini dijual secara segar pada harga RM12 sekilogram menerusi jenama KPZ Fresh. Kami juga ada membuat produk hiran daripada hasil tanaman ini berupa cili jeruk.

"Cili grad B dan C digunakan dalam pembuatan cili jeruk yang dijual pada harga RM10 hingga RM15 sebekas. Ia bagi menggalakkan pelajar menceburi bidang keusahawanan," tegasnya.

Salah seorang penghuni KPZ, Mohd. Hakeem, 25, berkata, program penanaman cili itu membantunya menimba serba sedikit ilmu berkaitan pertanian.

Pegawai tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Perubatan itu menjelaskan, ilmu itu sangat bermanfaat kepadanya terutamanya selepas berjaya menamatkan pengajian kelak.

"Banyak ilmu yang saya peroleh daripada projek penanaman cili ini. Saya banyak belajar dan bertanyakan daripada para petani tanaman cili yang telah berjaya di luar sana," ujarnya.